



LAPORAN TAHUNAN 2024



HOSPITAL KUALA NERANG

KANDUNGAN

Pengenalan | 03

Kata Aluan Pengarah
Pengurusan Tertinggi | Latar Belakang | Prinsip
Carta Organisasi | Ketua-Ketua Unit | Pengiktirafan

Pencapaian Statistik | 10

Perjawatan | Kewangan | Hasil | Perkhidmatan

Pengurusan | 15

Unit Pengurusan | Unit Pentadbiran
Unit Sumber Manusia | Unit Kewangan & Hasil
Unit Perolehan | Unit Pengurusan Maklumat
Unit Keselamatan

Penyeliaan | 19

Penyeliaan Hospital | Kejururawatan

Direktorat Perkhidmatan Perubatan | 22

Unit Kecemasan Dan Trauma | Unit Klinik Pakar Pelawat
Unit Pesakit Dalam | Unit Hemodialisis
Dewan Bedah/ Unit Cssu | Unit Rawatan Harian

Direktorat Sokongan Klinikal | 28

Unit Farmasi Dan Bekalan | Unit Patologi Dan Transfusi
Unit Radiologi | Unit Fisioterapi
Unit Terapi Cara Kerja | Unit Sajjan

Direktorat Kualiti, Pengurusan Risiko Dan Surveillance | 35

Unit Kualiti Dan Inovasi | Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
Unit Kawalan Infeksi | Unit Rekod Perubatan

Unit Kejuruteraan | 43

2024 Dalam Kenangan | 44

KATA ALUAN PENGARAH



Dr Nurolalimin Binti Mustafa
Pengarah
Hospital Kuala Nerang

ASSALAMUALAIKUM WBT
SALAM KEDAH SIHAT SEJAHTERA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam sejahtera semua.

Dengan penuh rasa syukur dan rendah hati, saya mengalu-alukan kehadiran tuan/puan ke dalam laporan tahunan Hospital Kuala Nerang bagi tahun 2024. Laporan ini merupakan satu usaha untuk berkongsi pencapaian, cabaran, dan perancangan masa depan hospital kita dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada komuniti setempat.

Sepanjang tahun 2024, Hospital Kuala Nerang telah berusaha gigih untuk meningkatkan mutu perkhidmatan melalui pelbagai inisiatif, termasuk penambahbaikan infrastruktur, pengukuhan latihan profesional, dan penglibatan aktif dalam program kesihatan komuniti. Kami juga telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan baharu bagi memenuhi keperluan kesihatan penduduk daerah Padang Terap.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja hospital yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas. Tidak lupa juga kepada pihak-pihak berkepentingan, termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, agensi kerajaan, dan masyarakat setempat, yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang erat.

Semoga laporan tahunan ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai perjalanan Hospital Kuala Nerang sepanjang tahun 2024 dan menjadi asas untuk perancangan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PENGURUSAN TERTINGGI



PENGARAH HOSPITAL

Dr Nurolalimin Binti Mustafa

TIMBALAN PENGARAH

Dr. Nik Hidayatul Izni Binti Mohd Hatta

KETUA PENYELIAAN HOSPITAL

En. Mohd Anuar Bin Mustapa

KETUA JURURAWAT

Matron Rosna Binti Nik Ishak

KETUA UNIT PENGURUSAN

Ahmad Nazrin bin Zulkifli

LATAR BELAKANG HOSPITAL

Hospital Kuala Nerang terletak di daerah Padang Terap, Kedah Darulaman. Daerah Padang Terap yang merupakan daerah ketiga terbesar meliputi kawasan seluas 2,973.27 km persegi. Kemudahan kesihatan yang ada di daerah ini ialah sebuah hospital, sebuah Pejabat Kesihatan Daerah, 3 buah Klinik Kesihatan, 16 buah Klinik Desa dan 5 buah Klinik Swasta. Hospital Kuala Nerang merupakan sebuah hospital kerajaan yang terletak di Kedah, Malaysia.

Hospital Kuala Nerang adalah satu-satunya hospital kerajaan di daerah Padang Terap. Hospital ini menyediakan perkhidmatan primer dan penjagaan pesakit (termasuk semua perkhidmatan sokongan) kepada masyarakat Padang Terap. Ini adalah kemudahan hospital yang tidak khusus dengan 4 wad dan 89 katil. Walau bagaimanapun, hospital Kuala Nerang kini beroperasi dengan 5 wad dan 80 katil. Bagi kes-kes yang memerlukan rawatan pakar, mereka dirujuk ke hospital Alor Star. Namun begitu semenjak hujung tahun 2017, Hospital Kuala Nerang telah bergabung dengan Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Jitra dikenali sebagai Hospital Kluster Kedah Utara (HoKKU). Dengan terjalannya kerjasama antara ketiga tiga hospital ini kini perkhidmatan kepakaran turut disediakan di Hospital Kuala Nerang terutamanya kepakaran Rehabilitasi dan Perubatan Geriatrik.

Hospital Kuala Nerang telah memulakan operasi pada bulan Oktober 1994. Ia mula beroperasi dengan Unit Pesakit Luar pada bulan Oktober 1994 diikuti oleh wad lelaki dan wanita pada bulan November 1995, wad bersalin pada bulan Julai 1996 dan seterusnya wad kanak-kanak. Pada tahun 2019, Wad Geriatrik Rehabilitasi turut mula beroperasi dengan kerjasama HoKKU.

Terdapat skop utama perkhidmatan di Hospital Kuala Nerang:-

- 1) Perkhidmatan Pengurusan
- 2) Perkhidmatan Penyeliaan
- 3) Direktorat Perkhidmatan Perubatan
- 4) Direktorat Perkhidmatan Klinikal:
- 5) Direktorat Kualiti, Pengurusan Risiko dan Surveillance
- 6) Unit Kejuruteraan

Perkhidmatan penyelenggaraan, pembersihan, pengindahan lanskap diuruskan oleh syarikat Edgenta Mediserve Sdn Bhd sejak 1 Januari 1997. Manakala perkhidmatan kawalan keselamatan bagi tahun 2024 dikawalselia oleh syarikat Symphony Sdn Bhd dengan kekuatan 22 orang pengawal bertugas.



PRINSIP

VISI

Menjadikan Hospital Kuala Nerang sebagai hospital berpakar.

MISI

MENYEDIAKAN perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dan profesional kepada pesakit dan ahli keluarga pesakit di negeri Kedah, dengan fokus khusus kepada penduduk Padang Terap.

SLOGAN

Kesihatan Anda Keutamaan Kami

OBJEKTIF

MENCAPAI peratusan prestasi $\geq 70\%$ setiap 6 bulan untuk Sistem Pelaporan dan Pembelajaran Insiden Keselamatan Pesakit dan Analisis Punca dan Pelan Tindakan (RCA2) untuk Insiden Keselamatan Pesakit Sebenar yang Mengakibatkan Hasil Teruk atau Kematian pada tahun yang sama


MENCAPAI sasaran ≤ 15 kes kematian bagi setiap 1000 pesakit yang discaj (SOI 1) setiap 6 bulan bagi indikator kadar keterukan penyakit (SOI) 1 kes kematian setiap 1000 keterukan penyakit (SOI) 1 kes discaj ke rumah.

MENCAPAI sasaran prestasi audit Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA)/ Key Performance Indicators (KPI) 100% setiap tahun

MEMASTIKAN semua indikator dalam Malaysian Patient Safety Goal (MPSG) mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia setiap tahun.



CARTA ORGANISASI



| PENGURUSAN TERTINGGI HOSPITAL KUALA NERANG | |
|--|--|
| PENGARAH HOSPITAL Dr Nurolalimin Binti Mustafa | |
| TIMBALAN PENGARAH Dr. Nik Hidayatul Izni Binti Mohd Hatta | |
| KETUA PENYELIAAN HOSPITAL En. Mohd Anuar Bin Mustapa | KETUA PENYELIAAN JURURAWAT Matron Rosna Binti Nik Ishak |
| KETUA UNIT PENGURUSAN Ahmad Nazrin bin Zulkifli | PENYELIA KEJURURAWATAN Matron Zapriza binti Ahmad |
| KETUA UNIT PEROLEHAN Siti Nur Aini Binti Mehat | KETUA UNIT UKKP / Unit Pusat Sumber Dr.Oh Er Qin |
| KETUA UNIT PENTADBIRAN Pn. Noraiza Bt Mohd Rashid | KETUA UNIT UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA Dr Mohd Yassin Bin Abd Razak |
| KETUA UNIT SUMBER MANUSIA Wannipha A/P Bun Tiang | KETUA UNIT KLINIK PAKAR Dr Cheng Yi Zhi |
| KETUA UNIT KEWANGAN & HASIL En. Mohd Naswardi Bin Che Pa | KETUA UNIT HEMODIALISIS En. Amir Bin Arshad |
| KETUA UNIT PEMBANGUNAN En Mohd Firdaus bin Mohd Nor | KETUA UNIT PENGANGKUTAN / KETUA UNIT FORENSIK Hj. Mokhtar Bin Mehat |
| KETUA UNIT KEJURUTERAAN Pn. Norhasliza Bt Samsudin | KETUA UNIT FISIOTERAPI Pn. Hani Ruhaila Binti Harun |
| KETUA UNIT KUALITI Pn. Norhasliza Bt Samsudin | KETUA UNIT PEMULIHAN CARAKERJA Pn. Nur Anis Izzati Binti Mohd Khalidi |
| KETUA UNIT PATOLOGI En. Mohd Faizal Bin Ibrahim | KETUA UNIT SAJIAN En Mohd Basir bin Ahmad Sukor |
| KETUA UNIT RADIOLOGI En. Yosnizam Bin Omar | KETUA JURURAWAT UNIT KAWALAN INFEKSI Siti Mazida Binti Abd Wahab |
| KETUA UNIT REKOD PERUBATAN En Firdaus Bin Norkamal | KETUA JURURAWAT WAD PEREMPUAN Noor Laili Binti Zakaria |
| KETUA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT En.Irwan Harnadi Bin Amaludin | KETUA JURURAWAT Wad LELAKI Wanida A/P E Bau |
| KETUA UNIT KESELAMATAN En. Muhammad Zaki Bin Abu Hassan | KETUA JURURAWAT WAD REHABILITASI & GERIATRIK Norhasrizal Bin Md Nor |
| KETUA JURURAWAT CSSD Nora Askin Binti Baharom | KETUA JURURAWAT WAD KANAK-KANAK Rusnah Binti Othman |
| KETUA UNIT KAWALAN INFEKSI Dr,Oh Er Qin | KETUA JURURAWAT WAD BERSALIN Che Nah Binti Mansor |

PENGIKTIRAFAN



PENCAPAIAN STATISTIK

1 - PERJAWATAN

JADUAL 1.1 - Jumlah Anggota Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

JADUAL 1.2 - Pecahan mengikut jawatan

2 - KEWANGAN

JADUAL 2.1 - Peruntukan dan Belanja Mengurus

JADUAL 2.2 - Peruntukan dan Belanja Pembangunan

3 - HASIL

JADUAL 3.1 - Kutipan Bagi Pesakit Dalam

JADUAL 3.2 - Kutipan Bagi Pesakit Luar

JADUAL 3.3 - Kutipan (RM) Rawatan Harian

JADUAL 3.4 - Lain-lain Kutipan

JADUAL 3.5 - Tunggakan

4 - PERKHIDMATAN

JADUAL 4.1 - Bidang Kepakaran Yang Ditawarkan

JADUAL 4.2 - Laporan Kedatangan/ Pemeriksaan/ Rawatan Pesakit Hospital Kuala Nerang 2024

JADUAL 4.3 - Laporan Indikator Utama Hospital Kuala Nerang



1 - PERJAWATAN

JADUAL 1.1 - Jumlah Anggota Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

| JAWATAN | JAWATAN | DIISI | KOSONG | % DIISI |
|--------------------------|------------|------------|-----------|--------------|
| Pakar | 2 | 2 | 0 | 100 |
| Pengurusan & Profesional | 36 | 32 | 4 | 88.89 |
| Kumpulan Sokongan I | 167 | 161 | 6 | 96.41 |
| Kumpulan Sokongan II | 145 | 139 | 6 | 95.86 |
| JUMLAH | 350 | 334 | 16 | 95.43 |

JADUAL 1.2 – Pecahan Mengikut Jawatan

| JAWATAN | JAWATAN | DIISI | KOSONG | % DIISI |
|---|------------|------------|-----------|--------------|
| Pakar Perubatan | 2 | 2 | 0 | 100 |
| Pegawai Perubatan | 21 | 18 | 3 | 80.95 |
| Pegawai Sains (Kimia Hayat) | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Pegawai Farmasi | 14 | 13 | 1 | 92.86 |
| Penolong Pegawai Perubatan | 28 | 26 | 2 | 92.86 |
| Jururawat | 104 | 101 | 3 | 98.09 |
| Juru X-Ray (Diagnostik) | 3 | 3 | 0 | 100 |
| Juruteknologi Makmal Perubatan | 12 | 11 | 1 | 91.66 |
| Penolong Pegawai Farmasi | 9 | 9 | 0 | 100 |
| Jurupulih Perubatan Fisioterapi | 2 | 2 | 0 | 100 |
| Jurupulih Perubatan Carakerja | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Pelukis Pelan (Kejururawatan Awam) Penolong Jurutera | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Pen.Pegawai Penyedia Makanan | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Penolong Akauntan | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Penolong Pegawai Tadbir | 3 | 3 | 0 | 100 |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | 2 | 2 | 0 | 100 |
| Jururawat Masyarakat | 27 | 27 | 0 | 100 |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) | 6 | 6 | 0 | 100 |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | 17 | 16 | 1 | 94.12 |
| Penyelia Asrama | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Pegawai Khidmat Pelanggan | 6 | 6 | 0 | 100 |
| Pembantu Penyediaan Makanan | 5 | 5 | 0 | 100 |
| Pembantu Keselamatan | 1 | 1 | 0 | 100 |
| Pembantu Operasi | 3 | 3 | 0 | 100 |
| Pembantu Perawatan Kesihatan | 62 | 57 | 5 | 91.94 |
| Pemandu Kenderaan | 13 | 13 | 0 | 100 |
| Pembantu Awam | 4 | 4 | 0 | 100 |
| JUMLAH | 350 | 334 | 16 | 95.43 |

2 - KEWANGAN

Bagi Tahun 2022 – 2024

JADUAL 2.1 - Peruntukan dan Belanja Mengurus

| TAHUN | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|-------|-----------------|-------------------|
| 2022 | 32,447,369.11 | 34,447,369.11 |
| 2023 | 34,191,924.16 | 34,191,924.16 |
| 2024 | 33,106,565.16 | 33,106,565.16 |

JADUAL 2.2 - Peruntukan dan Belanja Pembangunan

| TAHUN | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|-------|-----------------|-------------------|
| 2022 | 4,349,365.00 | 4,349,365.00 |
| 2023 | 5,296,955.96 | 5,296,955.96 |
| 2024 | 4,444,100.53 | 4,444,100.53 |

3 - HASIL

Bagi Tahun 2022 - 2024

JADUAL 3.1 - Kutipan (RM) Bagi Pesakit Dalam

| TAHUN | AMAUN | | JUMLAH |
|-------|-------------|-------------|------------|
| | WARGANEGARA | WARGA ASING | |
| 2022 | 92,211.80 | 13,845.50 | 106,057.30 |
| 2023 | 117,854.46 | 6,930.50 | 124,784.96 |
| 2024 | 132,660.80 | 32,503.00 | 165,163.80 |

JADUAL 3.2 - Kutipan (RM) Bagi Pesakit Luar

| TAHUN | AMAUN | | JUMLAH |
|-------|-------------|-------------|------------|
| | WARGANEGARA | WARGA ASING | |
| 2022 | 98,237.50 | 20,621.90 | 118,859.40 |
| 2023 | 86,283.00 | 27,151.20 | 113,434.20 |
| 2024 | 53,672.00 | 30,980.50 | 84,652.50 |

JADUAL 3.3 - Kutipan (RM) Rawatan Harian

| TAHUN | AMAUN | | JUMLAH |
|-------|-------------|-------------|-----------|
| | WARGANEGARA | WARGA ASING | |
| 2022 | 35,095.00 | | 35,095.00 |
| 2023 | 35,243.00 | | 35,243.00 |
| 2024 | 34,315.00 | | 34,315.00 |

JADUAL 3.4 - Lain-lain Kutipan (RM)

| TAHUN | JUMLAH |
|-------|-----------|
| 2022 | 52,326.00 |
| 2023 | 52,590.00 |
| 2024 | 53,310.00 |

JADUAL 3.5 - Tunggakan (RM)


| TAHUN | AMAUN | | JUMLAH |
|-------|-------------|-------------|---------|
| | WARGANEGARA | WARGA ASING | |
| 2022 | 5435.00 | 1782.00 | 7217.00 |
| 2023 | 5048.30 | 0 | 5048.00 |
| 2024 | 1356.00 | 0 | 1356.00 |

4 - PERKHIDMATAN

JADUAL 4.1 - Bidang Perkhidmatan Yang Ditawarkan

| NO. | PERKHIDMATAN | SUB-PERKHIDMATAN | |
|-----|---|----------------------|--|
| 1 | DIREKTORAT PERKHIDMATAN PERUBATAN | KLINIK PAKAR PELAWAT | RAWATAN HARIAN |
| | | PESAKIT DALAM | KECEMASAN DAN TRAUMA - FORENSIK - PENGANGKUTAN |
| | | HEMODIALISIS | DEWAN BEDAH/ UNIT CSSU |
| 2 | DIREKTORAT SOKONGAN KLINIKAL | FARMASI DAN BEKALAN | PATOLOGI DAN TRANSFUSI |
| | | RADIOLOGI | FISIOTERAPI |
| | | TERAPI CARA KERJA | SAJIAN |
| 3 | DIREKTORAT KUALITI, PENGURUSAN RISIKO DAN SURVEILANCE | KUALITI DAN INOVASI | KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN |
| | | KAWALAN INFEKSI | REKOD PERUBATAN |

JADUAL 4.2 - Laporan Kedatangan/ Pemeriksaan/ Rawatan Pesakit Hospital Kuala Nerang 2024



JADUAL 4.3 - Laporan Indikator Utama Hospital Kuala Nerang

| INDIKATOR UTAMA HOSPITAL KUALA NERANG | TAHUN 2024 |
|---------------------------------------|------------|
| KATIL OPERASI | 80 |
| KEMASUKAN | 5,249 |
| DISCAJ | 5,240 |
| KEMATIAN | 130 |
| KELAHIRAN | 34 |
| JUMLAH HARI PESAKIT | 18,743 |
| KADAR PENGGUNAAN KATIL (%) | 64.01% |
| PURATA MASA TINGGAL (HARI) | 3.53 |

Sumber Rujukan: Laporan Tahunan Unit Rekod Perubatan 2024



UNIT PENGURUSAN

UNIT PENGURUSAN

Unit Pengurusan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir, N5. Unit-unit di bawah Unit Pengurusan adalah seperti berikut:

- Unit Pentadbiran
- Unit Sumber Manusia
- Unit Kewangan & Hasil
- Unit Perolehan
- Unit Pengurusan Maklumat
- Unit Keselamatan

UNIT PENTADBIRAN

Statistik Unit Pentadbiran

| KATEGORI | TAHUN | |
|---------------------------|-------|------|
| | 2023 | 2024 |
| Pengurusan Fail | | |
| ▪ Fail Am | 275 | 275 |
| ▪ Fail Peribadi | 334 | 334 |
| Pengurusan Surat Menyurat | | |
| ▪ Surat masuk | 6925 | 2875 |

Kedudukan Harta Modal dan Inventori

| Bilangan KEW.PA-5 | Nilai Harta Modal (RM) | Bilangan KEW.PA-6 | Nilai Inventori |
|-------------------|------------------------|-------------------|-----------------|
| 840 | 134,273,572.15 | 2996 | 1,310,520.96 |

Stor Alat Tulis

Unit Pentadbiran menguruskan Stor Alat Tulis termasuk Cetakan Borang dan Buku Bersiri yang dibekalkan ke seluruh Jabatan di HSB dan Hospital Alor Setar. Stor Alat Tulis dikendalikan oleh 2 orang Pembantu Tadbir dan seorang Pembantu Operasi.

| TAHUN | PENERIMAAN (RM) | PENGELUARAN (RM) |
|-------|-----------------|------------------|
| 2023 | 179,167.00 | 168,057.45 |
| 2024 | 180,554.68 | 165,646.58 |

Pengurusan Kuarters


Hospital Kuala Nerang juga mempunyai sebanyak 52 buah kuarters kerajaan dan 5 buah bilik Asrama Jururawat. Pecahan kuarters kerajaan seperti berikut:

| JENIS | BILANGAN |
|--------------------------|-----------|
| Banglo (2 tingkat) | 2 |
| Rumah Semi-D (2 tingkat) | 10 |
| Rumah Teres (2 Tingkat) | 8 |
| Flat (2 Bangunan) | 32 |
| JUMLAH | 52 |

Pengurusan Aduan

Aduan rasmi yang diterima lengkap dengan maklumat telah diproses berdasarkan kepada pekililing dan garis panduan berkaitan. Secara amnya tempoh pengurusan aduan dan tahap kesukaran dibahagikan kepada kategori mudah (14 hari bekerja) dan kategori kompleks (15 hingga 365 hari). Sepanjang 2024, maklumbalas yang diterima melalui saluran seperti SISPA, surat, emel, telefon, media cetak dan media sosial yang lengkap dengan maklumat telah diambil tindakan sewajarnya.

| KATEGORI | 2023 | 2024 |
|-------------------------------|--------|-------|
| Bilangan aduan | 18 | 19 |
| Peratus Pencapaian (<14 hari) | 94.5 % | 100 % |



Statistik Perbelanjaan Bil Utiliti

| JENIS BIL | JUMLAH (RM) | | |
|---------------|--------------|--------------|--------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 |
| Elektrik | 1,296,657.60 | 1,293,307.95 | 1,444,562.05 |
| Air | 17,011.65 | 60,173.75 | 139,697.05 |
| Telekom Pukal | 26,365.40 | 28,312.49 | 29,647.22 |

UNIT SUMBER MANUSIA

Sepanjang tahun 2024, unit ini telah menguruskan aktiviti sumber manusia bagi 333 orang anggota. Unit Sumber Manusia merupakan salah satu cabang Bahagian Pengurusan Hospital yang bertanggungjawab menguruskan urusan perkhidmatan anggota mulai daripada lantikan sehingga persaraan atau meninggalkan perkhidmatan awam.

Unit ini diketuai oleh Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2 dan dibantu oleh unit berikut:

- Unit Kompetensi (HRMIS, Perjawatan dan Prestasi)
- Unit Perkhidmatan
- Unit Integriti

UNIT LATIHAN

Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) sebanyak RM 10,000.00 jumlah peruntukan telah diterima bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023 iaitu sebanyak RM 7,500.00.

| PERKARA | 2024 |
|----------------------------|--------------|
| Peruntukan LDP | RM 10,000.00 |
| Kursus anjuran Unit Di HKN | 23 kursus |

UNIT KOMPETENSI (PERJAWATAN)

Jumlah perjawatan pada tahun 2024

| JAWATAN | JUMLAH | ISI | KOSONG | % ISI |
|-------------|--------|-----|--------|-------|
| Pakar | 2 | 2 | 0 | 100 |
| P&P | 36 | 32 | 4 | 88.89 |
| Sokongan I | 167 | 161 | 6 | 96.41 |
| Sokongan II | 145 | 139 | 6 | 95.86 |
| JUMLAH | 350 | 334 | 16 | 95.43 |

UNIT KOMPETENSI (HRMIS)

Laporan Integriti Data

| KATEGORI | JUMLAH |
|--|--------|
| Pemilik Kompetensi | 360 |
| C/O yang mempunyai data tidak berintegriti | Tiada |
| Data berintegriti (Pegawai tetap sahaja) | 334 |
| Peratus keseluruhan | 100% |

UNIT PRESTASI

| PERKARA | SASARAN | % CAPAI |
|--------------------------------|---------|---------|
| Sasaran Kerja Tahunan | 26 | 100 |
| Sasaran Kerja Utama | 334 | 100 |
| Laporan Nilai Prestasi Tahunan | 360 | 100 |
| Pengisytiharan Harta | 360 | 100 |


AKTIVITI KUALITI

Pencapaian *Hospital Performance Indicator For Accountability* (HPIA)

| PERKARA | PERATUS | |
|---|---------|----------|
| | SASAR | CAPAI |
| Percentage of new hospital staffs who attended the Orientation Programme within 3 months of their placement at the Unit or Department in the Hospital | ≥ 100% | 100 (34) |

UNIT KEWANGAN & HASIL

Unit ini diketuai oleh Pembantu Tadbir Kewangan W3 yang menguruskan Kewangan dan Hasil



| KATEGORI | RM |
|-------------|----------------|
| Mengurus | 529,327,280.00 |
| Pembangunan | 68,101,079.50 |
| Ubat | 135,042,673.00 |
| Bukan Ubat | 65,330,391.00 |

* Peruntukan bagi belanja ubat dan reagen tahun 2022 telah dipindahkan ke peruntukan pembangunan

UNIT HASIL

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Hasil, HKN adalah seperti berikut:

- Pendaftaran Pesakit Luar
- Pendaftaran Pesakit Dalam (masuk dan keluar wad)
- Menerima bayaran bagi bil-bil hospital dan lain-lain bayaran (bayaran laporan perubatan, bayaran balik gaji, denda dan lain-lain)
- Menerima permohonan pengecualian atau pengurangan bil-bil hospital
- Menerima dan merekod deposit (wad/alat perubatan/kuarters dan sewa bangunan)
- Memperakakan kutipan hasil dan lain-lain terimaan
- Merekod terimaan bagi penyediaan laporan perubatan
- Membuat bayaran bagi laporan perubatan/bayaran balik hasil dan deposit

Kutipan Mengikut Kategori

| KATEGORI | WARGANEGARA | WARGA ASING |
|----------------|--------------|-------------|
| Pesakit Dalam | 3,326,008.50 | 741,987.75 |
| Pesakit Luar | 1,384,362.35 | 310,164.50 |
| Rawatan Harian | 480,877.30 | 23,847.00 |

Tunggakan

| KATEGORI | WARGANEGARA | WARGA ASING |
|------------|-------------|-------------|
| Amaun (RM) | 239,274.00 | 432,532.60 |


AKTIVITI KUALITI

Pencapaian *Hospital Performance Indicator For Accountability* (HPIA)

| KATEGORI | PERATUS | |
|---|---------|-------|
| | SASAR | CAPAI |
| Peratusan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari | ≥ 100% | 100% |

UNIT PEROLEHAN

Unit Perolehan akan menguruskan segala perolehan bagi peruntukkan dibawah aktiviti Pengurusan, Unit Sajian bagi semua Permohonan Kelulusan Belanja (PKB) yang telah diluluskan oleh Pegawai yang diberi kuasa untuk menyediakan Pesanan Kerajaan. Selain daripada itu, Unit Perolehan juga membantu dan memantau perolehan yang dibuat oleh Unit Farmasi dan Bekalan beserta Unit Patologi dan Transfusi. Peranan Unit Perolehan adalah seperti berikut:-




Bekalan / Perkhidmatan

| KAEDAH PEROLEHAN | BEKALAN / PERKHIDMATAN | |
|------------------|------------------------|-------------|
| | BILANGAN | PERATUS % |
| PEMBELIAN TERUS | 583 | 49.62% |
| PEMBELIAN KOTRAK | 560 | 47.66% |
| INDEN | 32 | 2.72% |
| JUMLAH | 1175 | 100% |

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT


Unit Pengurusan Maklumat di Hospital Kuala Nerang ditubuhkan pada Mei 2013. UPM adalah salah satu unit kecil di bawah unit pengurusan HKN yang memberi perkhidmatan sokongan ICT kepada warga Hospital Kuala Nerang dan bertanggungjawab terhadap perkembangan dan penyelarasan ICT di Hospital Kuala Nerang.



Fungsi-Fungsi Utama Unit Pengurusan Maklumat



Aktiviti Unit Pengurusan Maklumat



Terdapat 3 Syarikat dibawah kontrak KKM bagi perkhidmatan sewaan komputer peribadi dan perisian di Hospital Kuala Nerang :-

| BIL | SYARIKAT | NO. PERJANJIAN | TEMPOH PERJANJIAN | JENIS PERALATAN ICT | BIL UNIT |
|-----|---------------------------------|------------------|---|-------------------------------|----------|
| 1 | Nissen Technology Sdn. Bhd | KKM-231/2019/ICT | 1 September 2019 – 31 Ogos 2022 (3 tahun) – sambung kontrak sehingga Jun 2024 dan dilanjutkan guna sehingga Mac 2025. | Komputer Peribadi | 10 |
| 2 | Global Elite Ventures Sdn. Bhd. | KKM-6/2016/ICT | 3 tahun | Komputer Peribadi | 6 |
| 3 | Juara ICT Sdn. Bhd | KKM-10/2022/ICT | 7 Jun 2022 – 6 Jun 2025 (3 tahun) | -Komputer Peribadi -Laptop | 10 3 |

Terdapat syarikat yang berkontrak dengan Hospital Kuala Nerang untuk perkhidmatan sewaan komputer peribadi iaitu syarikat Advance Grand System Sdn. Bhd:-

| BIL | SYARIKAT | NO. PERJANJIAN | TEPOH PERJANJIAN | JENIS PERALATAN | BIL UNIT |
|-----|-------------------------------|--------------------------|------------------|------------------|----------|
| 1 | Advance Grand System Sdn. Bhd | HKN : SH/14/2022-K-11/13 | 3 TAHUN | KOMPUTER DEKSTOP | 12 |

Kontrak penyenggaraan berpusat, terdapat syarikat yang membuat penyenggaraan perkakasan adalah seperti di bawah :

| BIL | SYARIKAT | NO. PERJANJIAN | TEPOH PERJANJIAN | JENIS PERALATAN | BIL UNIT |
|-----|------------------------|------------------|-------------------------------|-----------------|----------|
| 1 | Aspek tumpuan Sdn. Bhd | KKM-299/2022/ICT | 1 Disember 2022 – 31 Mei 2026 | Swiatch ARCATEL | 2 |



UNIT KESELAMATAN

Perkhidmatan kawalan keselamatan perlindungan merangkumi keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan keselamatan ICT. Keselamatan perlindungan diberi perhatian serius melalui pelaksanaan langkah-langkah keselamatan dalam tugas harian. Perkhidmatan kawalan keselamatan dilaksanakan oleh syarikat kawalan keselamatan melalui tender perkhidmatan kawalan keselamatan.

Unit Keselamatan Hospital Kuala Nerang membuat pemantauan bagi memastikan perkhidmatan kawalan keselamatan yang diberikan oleh syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan mengikut perjanjian kontrak.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN


Kawalan Keselamatan dilaksanakan oleh pengawal keselamatan swasta yang dilantik melalui kontrak kerajaan. Kawalan 24 jam dilaksanakan dan terdapat 12 pos kawalan iaitu:-



AKTIVITI



Rocall setiap kali masuk bertugas.



Antara lokasi pos bertugas.

UNIT PENYELIAAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Unit Penyeliaan berada di Unit Pentadbiran Hospital Kuala Nerang. Unit ini hanya mempunyai seorang Ketua Penyelia Hospital Gred U36.

Unit Penyeliaan Hospital Kuala Nerang bertanggungjawab ke atas tiga jawatan di Hospital ini iaitu Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pemandu Kenderaan Ambulan.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Unit Kecemasan dan Trauma
- Unit Pesakit Luar / Klinik Pakar
- Unit Hemodialisis
- Unit Forensik
- Unit Pengangkutan / PHC

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN (Table/Statistik dll)

- Kursus Basic Life Support kepada 60 orang kakitangan Hospital Kuala Nerang pada 24-25/7/2024
- Melaksanakan Latihan Fire Drill Peringkat Hospital pada 29/8/2025 melibatkan seramai 70 orang kakitangan termasuk pasukan Bomba & Penyelamat Padang Terap.

PENJAWATAN STAF TAHUN 2024

Penolong Pegawai Perubatan

| GRED | JUMLAH | ISI | KOSONG |
|---------------|--------|-----|--------|
| U36 | 1 | 1 | - |
| U32 | 8 | 8 | - |
| U29/U32KUP | 19 | 19 | - |
| PPP (Kontrak) | - | 3 | - |
| JUMLAH | 28 | 31 | 1 |

Pembantu Perawatan Kesihatan

| GRED | JUMLAH | ISI | KOSONG |
|------|--------|-----|--------|
| U14 | 1 | 0 | 1 |
| U11 | 60 | 5 | 4 |

Pemandu Kenderaan

| GRED | JUMLAH | ISI | KOSONG |
|------|--------|-----|--------|
| H11 | 13 | 10 | 3 |

OBJEKTIF KHUSUS

| INDICATOR | TARGET |
|--|---|
| Number of Fire Drill has been carried out by the hospital in the corresponding year : a. Fire Drill at hospital level b. Tabletop Exercise at hospital level | a. Once a year b. Twice a year (once in 6 month) |
| Dispatch and Ambulance Preparedness of Primary Responses : | > 90% |
| Percentage of Medical Assistant in Emergency Services Trained in Advanced Life Support (ALS) : a. Non-specialist hospital : b. Specialist hospital : | a. > 30% b. > 50% |
| Percentage of Medical Assistant with Post Basic qualification and Advance Training in relevant disciplines. | > 40% (for staff with at least 3 years of working experience) |
| Peak Flow Rate (PEFR) Implementation for Asthma Patients in Asthma Bay by Medical Assistant (AMO). a. > 80% number of all asthma patients with Pre and Post PEFR treated in Asthma Bay. | > 80% |

AKTIVITI UNIT PENYELIAAN



Kursus Basic Life Support



Peserta Kursus



UNIT KEJURURAWATAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkhidmatan kejururawatan Hospital Kuala Nerang di ketuai oleh seorang Ketua Penyelia Jururawat (Pengurusan) dan 2 Penyelia Jururawat (klinikal area) bermula dari tahun 2009 dan dibantu oleh 11 orang Ketua Jururawat.

Jumlah Jururawat 87 orang dan Jururawat Masyarakat 27 orang, berfungsi dalam memberi khidmat rawatan kepada pesakit dalam.

PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT DALAM

Hospital Kuala Nerang beroperasi dengan 5 wad, dengan katil rasmi 80 katil. Jururawat ditempatkan di 5 wad iaitu:

- Wad Lelaki
- Wad Perempuan
- Wad Rehabilitasi /Geriatric
- Wad Kanak-kanak
- Wad Bersalin

PENEMPATAN LAIN UNIT

- Unit Hemodialisi
- Unit Kecemasan & Trauma
- Unit Kualiti
- Unit Kawalan Infeksi
- Unit Bekalan Bahan Sterile
- Dewan Bedah
- Rawatan Harian Talasemia
- Klinik Penjagaan Luka

PENEMPATAN MENGIKUT PENGKHUSUSAN

| WAD / UNIT | PJ | KJ | JT | JM |
|-----------------------------|----------|-----------|-----------|-----------|
| Unit Kejururawatan | 3 | | | |
| Wad Lelaki | | 2 | 20 | 5 |
| Wad Perempuan | | 1 | 13 | 5 |
| Wad Rehabilitasi /Geriatric | | 1 | 8 | 1 |
| Wad Kanak-kanak | | 1 | 12 | 8 |
| Wad Bersalin | | 1 | 11 | 7 |
| Unit Hemodialisi | | | 6 | |
| Unit Kecemasan & Trauma | | 1 | 13 | |
| Unit Kualiti | | 1 | | |
| Unit Kawalan Infeksi | | 1 | 1 | |
| Unit Bekalan Bahan Sterile | | 1 | 2 | |
| Dewan Bedah | | | 1 | |
| Rawatan Harian Talasemia | | | 1 | |
| Klinik Penjagaan Luka | | 1 | 1 | 1 |
| TOTAL | 3 | 11 | 89 | 27 |


PENGKHUSUSAN JURURAWAT

| Bidang Pengkhususan | PJ/KJ/JT | Peratus |
|---------------------|---------------|---------------|
| Kebidanan | 25 | 25% |
| Pediatrik | 10 | 10% |
| Neonatal | 3 | 3% |
| Renal | 11 | 12% |
| AMTEC/ADEC | 10 | 10% |
| Rehabilitasi | 3 | 3% |
| Gerantologi | 2 | 2% |
| Diabetes | 4 | 4% |
| Perawatan rapi | 5 | 5% |
| Kawalan infeksi | 3 | 3% |
| Peri operatif | 2 | 2% |
| Orthopedik | 2 | 2% |
| Psikiatrik | 1 | 1% |
| Onkologi | 1 | 1% |
| Neuro Sains | 1 | 1% |
| TOTAL | 83/101 | 82.18% |

AKTIVITI KUALITI KEJURURAWATAN - BAGI 3 TAHUN

| KPI NURSING | PENCAPAIAN / % | | |
|-----------------|----------------|------|------|
| | 2022 | 2023 | 2024 |
| PHLEBITIS | 0 | 0 | 0 |
| FALL PREVENTION | 2 | 1 | 4 |
| PRESSURE INJURY | 0% | 0% | 0% |

| NATIONAL NURSING AUDIT | PERATUS (%) | | |
|----------------------------|-------------|-------|--------|
| | 2022 | 2023 | 2024 |
| ORAL MEDICATION | 100% | 100% | 97.06% |
| INFUSI INTRAVENA | 99% | 99.5% | 99.5% |
| BLOOD & BLOOD PRODUCT | 100% | 100% | 100% |
| ASEPTIC WOUND DRESSING | 95.3% | 94.8% | 97.6% |
| PAIN AS THE 5TH VITAL SIGN | 99% | 98.2% | 99.5% |




KURSUS YANG DILAKSANAKAN - 2024

| KURSUS | BILANGAN |
|---------------------------------------|----------|
| PEMANTAPAN KEJURURAWATAN | 2 |
| DOKUMENTASI, NURSING PROSES, SBARe | 1 |
| JURURAWAT IDAMANKU | 1 |
| PENULISAN MINIT MESYUARAT | 1 |
| ESSENTIAL LEADERSHIP SKILL IN NURSING | 1 |
| TOTAL | 6 |

CONTINUE NURSING EDUCATION - 2024

| BULAN | JADUAL CNE | JUMLAH KEHADIRAN | |
|---------------|------------|------------------|----------------|
| | | CNE | CNE MEDICATION |
| JANUARI - MAC | 0 | 0 | 0 |
| APRIL - JUN | 6 | 79 | 24 |
| JULY - SEPT | 6 | 58 | 54 |
| OKT - DEC | 6 | 18 | 68 |
| TOTAL | 18 | 155 | 146 |

KEHADIRAN JURURAWAT KE CNE & CNE MEDICATION BAGI TAHUN 2022 - 2024



JURURAWAT - PINDAH MASUK, PINDAH KELUAR DAN BERSARA BAGI TAHUN 2024

| | PJ | JT |
|---------------|----------|----------|
| PINDAH MASUK | 1 | |
| PINDAH KELUAR | 1 | |
| BERSARA | 1 | 1 |
| TOTAL | 3 | 1 |

PERHIMPUNAN PAGI - UNIT KEJURRAWATAN



AKTIVITI KECERGASAN - UNIT KEJURRAWATAN



AKTIVITI KURSUS - UNIT KEJURRAWATAN



Disediakan oleh:
Zapriza Bt Ahmad
Penyelia Jururawat U7

Disemak oleh:
Rosna Bt Nik Ishak
Ketua Penyelia jururawat U7

UNIT KECEMASAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Unit Kecemasan Hospital Kuala Nerang mula beroperasi di bangunan baru di antara Wad Kanak-Kanak dan Unit Forensik sejak tahun 2013.

Dengan kapasiti 5 katil zon Merah,12 katil Zon kuning namun bermula oktober 2024 ianya di pecahkan kepada zon pemerhatian (OR) dan sehingga 50 kerusi di zon hijau.Bagi tahun 2024 seramai 55 orang kakitangan bertugas dalam 3 syif yang terdiri dari 1 Pakar Perubatan kecemasan(Penempatan kekal bermula Disember 2024 mengisi kekosongan)10 Pegawai Perubatan ,5 orang penyelia(1 orang Bersara pada Disember 2024),1 orang ketua Jururawat,13 Penolong Pegawai Perubatan ,12 orang Jururawat,10 Pembantu Perawatan Kesihatan,13 orang Pemandu.

Pada tahun 2024 sebanyak 24679 orang pesakit telah menerima rawatan di unit kecemasan penurunan sebanyak 4.4% kecemasan juga telah merespon sebanyak 584 kes panggilan kecemasan dan 2515 kes berbanding pada tahun 2023 dan 7.8% pada tahun 2022(rujuk jadual 1 dan carta bar 1 di lampiran).Namun begitu berlaku kenaikan dari jumlah kedatangan pesakit di zon merah yang mencatat kenaikan sebanyak 35.6% berbanding tahun 2023.i Bagi tahun 2024 sebanyak 13432 pesakit merupakan pesakit lelaki manakala 11247 pesakit perempuan dari pelbagai bangsa telah memdapat rawatan di unit kecemasan.

JUMLAH KEDATANGAN MENGIKUT ZON

| KEDATANGAN TAHUN 2022-2024 | | | | | |
|----------------------------|--------|-------|-------|-------|--------|
| PARAMETER | TAHUN | 2022 | 2023 | 2024 | JUMLAH |
| Mengikut zone | Red | 820 | 726 | 1129 | 2675 |
| | Yellow | 5858 | 8497 | 8089 | 22444 |
| | OR | | | 655 | 655 |
| | Green | 20102 | 16592 | 14806 | 51500 |
| | JUMLAH | 26780 | 25815 | 24679 | 77274 |

JUMLAH PANGGILAN AMBULAN DAN INTERFASILITI

| PANGGILAN AMBULAN /INTERFASILITI | TAHUN | 2022 | 2023 | 2024 | JUMLAH |
|----------------------------------|-------|------|------|------|--------|
| | A/C | 697 | 607 | 584 | 1888 |
| REFER | 1816 | 1992 | 2515 | 6323 | |

KEDATANGAN MENGIKUT JANTINA DAN BANGSA

| KUMPULAN ETHNIC | LELAKI | PEREMPUAN |
|-------------------------------|--------------|--------------|
| Melayu | 12444 | 10399 |
| Cina | 67 | 67 |
| India | 29 | 29 |
| Bajau | 1 | |
| Melanau | | 1 |
| Bidayuh | 1 | |
| Lain-lain | 743 | 704 |
| WARGANEGARA ASING DENGAN IZIN | 147 | 47 |
| JUMLAH | 13432 | 11247 |

PENCAPAIAN INDIKATOR YANG DI PANTAU

| Unit : KECEMASAN DAN TRAUMA | | | | | | | |
|-----------------------------|--|------------------------------|-----------------|--------------------|------|-------------|-----------------------------|
| Bil | Tajuk | Sasaran | Pantau an bawah | Pencapaian tahunan | | | Catatan |
| | | | | 2022 | 2023 | 2024 | |
| 1 | Hospital With Bed Waiting Time \leq 240 Minutes (4 Hours) | \geq 80% | HPIA | NA | NA | 95.75% | HPIA BWT BERMULA TAHUN 2024 |
| 2 | Bed Waiting Time Bagi Pesakit Dari Jabatan Kecemasan Dan Trauma Ke Wad Bukan Kritikal Di Hospital Negeri Kedah | BED WAITING TIME < 240 MINIT | PTP | NA | NA | 87.39 MINIT | PTP BERMULA TAHUN 2024 |
| 3 | Complication rate of procedural sedation and analgesia (PSA) | < 5% | CLISQI | NA | 0% | 0% | CLISQI BERMULA 2023 |
| 4 | Percentage of suspected Acute Coronary Syndrome(ACS) Patients administered oral aspirin by Prehospital Care and Ambulance Services (PHCAS) | >75% | CLISQI | NA | 100% | 100% | CLISQI BERMULA 2023 |

| Unit : KECEMASAN DAN TRAUMA | | | | | | | |
|-----------------------------|---|---------|---------------------------|--------------------|--------|--------|---------------------|
| Bil. | Tajuk | Sasaran | Pantau an bawah | Pencapaian tahunan | | | Catatan |
| | | | | 2022 | 2023 | 2024 | |
| 5 | Percentage of Intravenous Tranexamic Acid given in trauma patients with severe haemorrhage within 60 minutes of first medical contact | >70% | CLISQI | NA | 100% | 100% | CLISQI BERMULA 2023 |
| 6 | Percentage of inappropriate triaging (under-triaging): Category Green patients who should have been triaged as Category Red | <0.5 | KPI/ CLISQI/PI AKREDITASI | 0.034% | 0.006% | 0.1% | CLISQI BERMULA 2022 |
| 7 | Waiting Time Relative to Triage Category -Malaysian Triage Category (MTC) Red seen immediately (100%) | 100% | PI AKREDITASI | 100% | 100% | 100% | |
| 8 | Percentage of MTC Yellow patients where treatment is instituted by ED staff within (\leq)30 minutes | >85% | PI AKREDITASI | 99.38% | 99.19% | 98.44% | |
| 9 | Waiting Time Relative to Triage Category -Malaysian Triage Category (MTC) Green seen within 90 Minutes | >70% | PI AKREDITASI | 100% | 97.75% | 100% | |

LATIHAN/KURSUS 2024

| BIL | KURSUS | TARIKH | ANJURAN |
|-----|--|---------------------------|--|
| 1 | PROGRAM SUNATHON 2024 | 19 HINGGA 22 FEBUARI 2024 | UNIT KECEMASAN HKN |
| 2 | KURSUS PENGENDALIA N KES OSCC | 17 MAC 2024 | UNIT KECEMASAN HKN |
| 3 | KURSUS BASIC LIFE SUPPORT PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH PADANG TERAP 2024 | 9 MEI 2024 | PKPDPT/UNIT KECEMASAN HKN |
| 4 | KURSUS BASIC LIFE SUPPORT SIRI 1 | 24 JULAI 2024 | UNIT KECEMASAN HKN |
| 5 | KURSUS BASIC LIFE SUPPORT SIRI 2 | 25 JULAI 2024 | UNIT KECEMASAN HKN |
| 6 | BASIC LIFE SUPPORT SEMPENA HARI JANTUNG SEDUNIA 2024 | 17 OKTOBER 2024 | PEJABAT KESIHATAN DAERAH PDG TERAP DAN HOSPITAL KUALA NERANG |

PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN KAKITANGAN UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL KUALA NERANG 2024

| BIL | AKTIVITI | TARIKH | TEMPAT | KAKITANGAN TERLIBAT | PENCAPAIAN |
|-----|------------------------------------|----------------------|------------------------------------|--------------------------------------|--|
| 1 | Audit KPI/HPIA/PT P bil 1 2024 | 14 Mei 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP NAJARI PPP JAMALUDIN K/J ROSMANI | Auditee 4 KPI/Clisqi –FC 1 HPIA-FC |
| 2 | Konvensyen kualiti JKN Kedah | 16 Julai 2024 | Auditorium Jabatan Keseniaan Kedah | TEAM EZYCOVER TEAM EZYDOCK | 2 projek inovasi produk 1 tempat ketiga |
| 3 | Saringan anugerah inovasi KKM 2024 | 9 Sept -12 Sept 2024 | Atas talian | TEAM EZYCOVER | Layak ke pembentangan akhir di IPKKM Putrajaya |
| 4 | Pertandingan akhir inovasi KKM | 15 Oktober 2024 | Bahagian Pergigian IPKKM | TEAM EZYCOVER | TOP 10 INOVASI PRODUK 2024 |
| 5 | Kedah Rescue Exercise 2024 | 22Ogos 2024 | Pusat latihan Rela Sg Petani | TEAM KEREX HKN | peserta |

| | | | | | |
|----|--|--------------------------------|---|--------------------------------------|---|
| 5 | Kedah Rescue Exercise 2024 | 22Ogos 2024 | Pusat latihan Rela Sg Petani | TEAM KEREX HKN | peserta |
| 6 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 ASTHMA | 1 Sept 24 8 Sept 24 11 sept 24 | Hospital Jitra Hospital Yan Hospital Kangar | PPP Yusof | Auditor |
| 7 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 PHC | 2 Sept 24 4 Sept 24 | Hospital Pendang Hospital Baling | PPP Nazran PPP Shazrim | Auditor |
| 8 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 POP Care | 18&2 Sept 24 8&9 sept 24 | Hospital Kulim Hospital Sik | PPP Jamaludin PPP Irfan PPP Faridzul | Auditor |
| 9 | Audit KPI/HPIA/PT P bil 2 2024 | 12 Ogos 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP NAJARI PPP JAMALUDIN K/J ROSMANI | Auditee 4 KPI/Clisqi –FC 1 HPIA-FC |
| 10 | Lean HealthCare Inniciative 2024 | Febuari - Oktober 2024 | Hospital Kuala Nerang | Team Lean Healthcare Edhkn | Silver medal at Borneo LeanHealthcare Conference 2024 Sarawak |
| 11 | Lean HealthCare Conference 2024 | 21 &22 Oktober 2024 | Miri Sarawak | DR Oh Er Qin | Silver Medal |
| 12 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 ASTHMA | 9 Sept 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP Unit Kecemasan | Auditee Fully comply |
| 13 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 PHC | 29 Ogos 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP Unit Kecemasan | Auditee Fully comply |
| 14 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 POP Care | 1 &2 Sept 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP Unit Kecemasan | Auditee Fully comply |
| 15 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 triage care | 1 Sept 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP Unit Kecemasan | Auditee Fully comply |
| 16 | Audit Klinikl PPP Kebangsaan 2024 Hand hygiene | 27 Ogos 2024 | Hospital Kuala Nerang | PPP Unit Kecemasan | Auditee Fully comply |
| 17 | MIREX 2024 | 11 Oktober 2024 | Terangganu | DR Bukhari | Peserta Mewakil kedah |

UNIT FORENSIK

RINGKASAN EKSEKUTIF

Unit forensik terletak dibahagian belakang hospital kuala nerang bersebelahan unit kecemasan dan kuarters hospital . Tiada kenderaan disediakan untuk menghantar mayat. Di unit forensik ini mempunyai 2 peti penyimpanan mayat yang boleh menampung 4 mayat pada suatu masa.

Unit forensic mempunyai seorang Pegawai Perubatan, seorang(1) Penolong Pegawai Perubatan U32, dua(2) Penolong Pegawai Perubatan U29 dan dua(2) Pembantu Perawatan Kesihatan diarahkan bertugas di unit ini.

Pegawai di dalam unit ini juga bertanggungjawab kepada Unit Kecemasan Dan Trauma (guna sama).

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Bidang Perubatan Forensik boleh dibahagikan kepada dua(2) pengkhususan iaitu:

- i) Patologi Forensik ialah melibatkan pemeriksaan mayat bagi kes-kes Polis
- ii) Forensik Klinikal ialah melibatkan pemeriksaan perubatan mangsa/suspek yang terlibat dalam kes polis yang masih hidup.

STATISTIK KEMATIAN BULANAN MENGIKUT JANTINA BAGI JAN - DIS 2024 .

| BULAN | JANTINA | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|-----------|---------|--------|-----------|--------|
| JANUARI | | 9 | 7 | 16 |
| FEBUARI | | 8 | 2 | 10 |
| MAC | | 6 | 2 | 8 |
| APRIL | | 4 | 4 | 8 |
| MEI | | 5 | 3 | 8 |
| JUN | | 9 | 4 | 13 |
| JULAI | | 7 | 4 | 11 |
| OGOS | | 5 | 2 | 7 |
| SEPTEMBER | | 6 | 2 | 8 |
| OKTOBER | | 11 | 5 | 16 |
| NOVEMBER | | 5 | 4 | 9 |
| DISEMBER | | 9 | 4 | 13 |
| JUMLAH | | 84 | 43 | 127 |

| JUMLAH KEMATIAN UNIT FORENSIK HOSPITAL KUALA NERANG MENGIKUT ETNIK DAN JANTINA BAGI TAHUN 2024 | | | | | | | | | | | | | JUMLAH KEMATIAN |
|--|--------|----|------|---|-------|---|------|---|-----------|---|-------------|---|-----------------|
| BULAN | MELAYU | | CINA | | INDIA | | SIAM | | LAIN-LAIN | | WARGA ASING | | |
| | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P | |
| JAN | 9 | 7 | | | | | | | | | | | 16 |
| FEB | 8 | 1 | | 1 | | | | | | | | | 10 |
| MAC | 5 | 2 | | | | | 1 | | | | | | 8 |
| APR | 3 | 3 | | | | | | 1 | | | 1 | | 8 |
| MEI | 4 | 3 | 1 | | | | | | | | | | 8 |
| JUN | 8 | 4 | | | | | | | | | 1 | | 13 |
| JUL | 6 | 4 | 1 | | | | | | | | | | 11 |
| OGO | 4 | 1 | | | | | 1 | | | | 1 | | 7 |
| SEPT | 5 | 1 | | 1 | | | 1 | | | | | | 8 |
| OKT | 11 | 4 | | | | | | 1 | | | | | 16 |
| NOV | 4 | 3 | | | | | 1 | 1 | | | | | 9 |
| DIS | 8 | 4 | | | | | | | | | 1 | | 13 |
| JUMLAH | 75 | 37 | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 | 3 | 0 | 0 | 4 | 0 | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | | | | | | | | | 127 |

| 2024 | KEMATIAN DLM WAD | | KEMATIAN DI KECEMASAN | | JUMLAH | |
|--------------|------------------|---------|-----------------------|---------|--------|---------|
| | BULAN | WAD MAN | WAD GIRL | KES DID | | KES BID |
| JANUARY | | 5 | 6 | 1 | 4 | 16 |
| FEBRUARY | | 3 | 1 | 1 | 5 | 10 |
| MAC | | 2 | 2 | 3 | 1 | 8 |
| APIL | | 2 | 3 | 0 | 3 | 8 |
| MAY | | 5 | 1 | 1 | 1 | 8 |
| JUN | | 6 | 4 | 0 | 3 | 13 |
| JULY | | 3 | 3 | 1 | 4 | 11 |
| OGOS | | 0 | 0 | 2 | 5 | 7 |
| SEPTEMBER | | 3 | 2 | 1 | 2 | 8 |
| OKTOBER | | 8 | 5 | 2 | 1 | 16 |
| NOVEMBER | | 2 | 1 | 4 | 2 | 9 |
| DISEMBER | | 4 | 2 | 0 | 7 | 13 |
| TOTAL | | 43 | 30 | 16 | 38 | 127 |

KEMATIAN MENGIKUT ETNIK, JANTINA DAN USIA BAGI JAN - DIS 2024

| TAHUN 2023 | DEWASA | | KANAK KANAK | |
|------------------------|-----------|-----------|-------------|-----------|
| | LELAKI | PEREMPUAN | LELAKI | PEREMPUAN |
| MELAYU | 78 | 36 | 2 | 0 |
| CINA | 2 | 2 | | |
| INDIA | | | | |
| SIAM | 4 | 3 | | |
| LAIN-LAIN | | | | |
| WARGA ASING | 2 | | | |
| JUMLAH KEMATIAN | 86 | 41 | | |

JUMLAH KEMATIAN MENGIKUT JANTINA DAN USIA BAGI JAN -DIS 2024

| 2024 | LELAKI | | PEREMPUAN | |
|-----------------|--------|-------------|-----------|-------------|
| | DEWASA | KANAK KANAK | DEWASA | KANAK KANAK |
| BILANGAN | 84 | 2 | 41 | - |

UNIT KLINIK PAKAR PELAWAT

RINGKASAN EKSEKUTIF


Bermula 1 September 2023, Klinik Pakar Pelawat mula mentransformasikan perkhidmatan Klinik Pakar dengan lebih meluas secara berperingkat.

Selepas Jabatan Pesakit Luar dihentikan operasi, Bangunan utama Jabatan Pesakit Luar ditukar operasi kepada Klinik Pakar. Antara perkhidmatan yang diberikan termasuk Klinik Pakar MOPD, Endokrinologi, Heart Failure, Chronic Kidney Disease dengan pakar perubatan 'in-house', serta klinik-klinik lain seperti yang tersebut di atas dengan pakar pelawat daripada Hospital Sultanah Bahiyah.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

| BIL. | DISIPLIN | Per visit | KEKERAPAN |
|----------------------|------------------------------|----------------|------------------|
| 1 | MOPD PAKAR | 50 psk/visit | 6-8 kali / bulan |
| 2 | mopd mo/ (Klinik Acute) | 15 psk / visit | 10-12kali/bulan |
| 3 | Klinik Wafarin (INR) | 30 psk / visit | 2-3 kali/ bulan |
| 4 | Klinik CKD | 20 psk / visit | 2-3 kali/ bulan |
| 5 | Klinik Endocrine | 20 psk / visit | 2 kali/bulan |
| 6 | Klinik Heart Failure(HF) | 5 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 7 | Klinik Gastroenterologi | 10 psk / visit | 1 kali/3 bulan |
| 8 | Klinik Follow-Up (Ortho) | 10 psk / visit | 4-5 kali/bulan |
| 9 | Klinik Follow-Up (Pediatrik) | 10 psk / visit | 4-5 kali/bulan |
| 10 | Klinik Kontek | 30 psk/ visit | 4-5 kali/ bulan |
| 11 | Klinik Berhenti Merokok | 5 psk / visit | 1-2 kali / bulan |
| 12 | Klinik Funduscamera | 5 psk / visit | 2 kali / minggu |
| 13 | Blood Station | 50 psk / visit | Hari Bekerja |
| PAKAR LAWATAN | | | |
| 14 | Psikiatri | 46 psk / visit | 2 kali / bulan |
| 15 | Dermatologi | 50 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 16 | Ortopedik | 50 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 17 | Pediatrik | 30 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 18 | Geriatric | 10 psk / visit | 2-3 kali /bulan |
| 19 | Perubatan Respiratori | 35 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 20 | Dietitian | 10 psk/visit | 1 kali / bulan |
| 21 | Otorinolaringologi | 50 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 22 | Audiometry | 10 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 23 | Klinik Sport | 5 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 24 | Klinik UltraSound | 20 psk / visit | 1 kali / bulan |
| 25 | Nephrologi | 15 psk / visit | 1 kali/3 bulan |
| 26 | Obstetrics & gynaecology | 50 psk / visit | 2 kali / bulan |

JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT 2024



Jumlah pesakit Klinik Pakar Pelawat tahun 2024 adalah seramai 14059 orang dan dijangka akan berlaku penambahan jumlah kedatangan pesakit Klinik Pakar pada tahun 2025 selaras dengan perancangan pengurusan pesakit bagi perkhidmatan berpakar.

